

IWK dikenalpasti antara punca utama pencemaran Batu Ferringhi
Astro Awani
4 Mac, 2014

GEORGETOWN: Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengenalpasti Indah Water Konsortium (IWK) antara penyumbang utama kepada masalah pencemaran pantai khususnya membabitkan Sungai Batu Ferringhi dan harus bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

Pengerusi Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Pulau Pinang, Chow Kon Yeow perkara itu dijelaskan berdasarkan laporan siasatan terkini yang dikemukakan oleh JAS, pada taklimat kepada exco kerajaan negeri 28 Februari lalu.

Justeru Chow berkata, terpulang kepada pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap IWK memandangkan kertas siasatan telah diserahkan kepada pegawai undang-undang .

“Dalam taklimat itu, JAS telah kenalpasti punca pencemaran di Sungai Batu Ferringhi antaranya premis makanan, loji IWK, kegiatan dobi dan cuci kereta.

JAS negeri telah pun menyiapkan kertas siasatan terhadap IWK berhubung dgn masalah pencemaran di Sungai Batu Ferringhi, kertas siasatan dibuat berdasarkan peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan diserahkan kepada pegawai undang Jabatan Alam Sekitar Persekutuan,” kata Chow.

Tambah Chow, menerusi taklimat itu juga, pihak JAS meminta agensi lain yang berkaitan mengambil tindakan wajar termasuk mencari penyelesaian berhubung isu pencemaran air di kawasan Sungai Batu Ferringhi memandangkan ia di luar kawalan JAS.

Ini kerana selain IWK, tiga buah premis makanan, tiga buah kedai dobi dan sebuah kedai cuci kereta juga mungkin menjadi penyumbang utama kepada pencemaran di kawasan peranginan itu.

Chow berkata demikian di pejabatnya tengahari tadi bagi memberitahu perkembangan terkini isu pencemaran pantai Batu Ferringhi.

Isu pencemaran sebahagian air laut di pantai Batu Ferringhi yang dilaporkan media sejak awal Februari lalu mendapat perhatian umum memandangkan kawasan berkenaan popular sebagai destinasi pelancongan.

Air laut di kawasan itu bertukar hitam dan berbau didakwa berpunca daripada saluran paip loji kumbahan milik IWK.

Manakala maklumat awal yang diperolehi JAS mendapati adanya elemen bakteria

(*Escherichia coli*) e-coli dalam sampel air yang diambil dari Sungai Batu Ferringhi.

IWK bagaimanapun menafikan punca pencemaran datang dari loji kumbahan milik mereka.

Sementara itu, ketika dihubungi Astro AWANI, Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi IWK Shahrul Nizam Sulaiman berkata pihaknya belum lagi meneliti laporan tersebut.

"Kami tidak berani komen atau buat apa-apa andaian lagi sebelum membaca kandungan laporan itu.

Bagaimanapun, kami menekankan bahawa IWK akan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak untuk mengendalikan perkara ini secara baik," katanya.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/iwk-dikenalpasti-antara-punca-utama-pencemaran-batu-ferringhi-31200?cp>